



SEKSYEN 57 & PROVISO (a) SEKSYEN 57

AKTA SETEM 1949

YAKIN JAYAMUDA SDN BHD

V.

PEMUNGUT DUTI SETEM

PB-A54-14-07/2024



MAHKAMAH SESYEN BUTTERWORTH



PUAN OOI SHEOW YEAN



9 APRIL 2025

Pada 25.06.2019, Plaintiff telah memasuki satu Perjanjian Jual Beli (SPA) bersama Penjual untuk membeli satu hartanah. Pada 01.06.2020, Plaintiff memohon adjudikasi ke atas suratcara Borang Pindahmilik Tanah (Borang 14A).

Notis Taksiran Pindah Milik Harta Tanah (Duti Ad Valorem) telah dibangkitkan pada 17.06.2020 dengan pengenaan duti *ad valorem* berjumlah RM30,720.00.

Mahkamah Tinggi Shah Alam telah menggulungan Penjual melalui Perintah bertarikh 27.07.2020. Plaintiff hanya mengetahui berkenaan penggulungan ini pada Mac 2021. Plaintiff telah memohon bayaran balik duti setem yang telah dibayar sebanyak RM30,720.00 daripada Pemungut Duti Setem (PDS). Plaintiff menegaskan Seksyen 57 Akta Setem 1949 (AS 1949) membenarkan permohonan bayaran balik dibuat oleh Plaintiff dalam tempoh 24 bulan dari tarikh Plaintiff menyelesaikan tindakan Mahkamah Rayuan iaitu pada 09.05.2022 dan/atau tarikh Plaintiff menerima Borang 14A baru daripada Jabatan Insolvensi Malaysia, iaitu pada 13.10.2022.

Pada 20.10.2022, Plaintiff telah membuat memohon adjudikasi duti setem atas hartanah tersebut serta mengemukakan Borang 14A baru yang ditandatangani oleh Pegawai Penerima dan Pelikuidasi. Notis Taksiran Pindah Milik Harta Tanah (Duti Ad Valorem) telah dibangkitkan pada 06.11.2022 dengan pengenaan duti *ad valorem* sebanyak RM32,256.00 termasuk penalti.

PDS telah menolak permohonan bayaran balik duti setem berjumlah RM30,720.00 di bawah Seksyen 57(f)(iv) AS 1949 kerana Borang 14A bertarikh 01.06.2020 dianggap rosak (*spoiled*) dan tidak boleh digunakan memandangkan hal ehwal pentadbiran Penjual kini di bawah kawalan Pegawai Penerima, Jabatan Insolvensi Malaysia. Permohonan bayaran balik duti setem hanya dibuat oleh Plaintiff pada 20.10.2022. Proviso (a) Seksyen 57 AS 1949 memperuntukkan permohonan bayaran balik hendaklah dibuat dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh duti setem dianggap rosak iaitu 27.07.2020, tarikh Penjual digulungan. Pindaan tempoh permohonan bayaran balik daripada 12 bulan ke 24 bulan hanya berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022 sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 36 Bab IV, Akta Kewangan 2021. Oleh itu, pindaan tersebut tidak terpakai kepada situasi Plaintiff.

Saman Pemula bertarikh 01.07.2024 telah difailkan oleh Plaintiff kerana tidak berpuas hati dengan keputusan PDS tersebut di mana pada 09.04.2025, Mahkamah telah memutuskan bahawa Saman Pemula Plaintiff ditolak dengan kos sebanyak RM500.00.

Nota Editorial

- Plaintiff mempunyai hak untuk memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Mahkamah Sesyen dalam tempoh 14 hari daripada tarikh keputusan.